

21 JUN 2001

Sukan-Sea (Atlit)

ADA ATLIT BERSEMANGAT TAK MENENTU, KATA KOMANDAN KEM

BANGI, 21 Jun (Bernama) -- Masih ada segelintir atlit yang semangatnya tidak menentu walaupun selepas empat hari menjalani pelbagai program motivasi menjelang Sukan Sea Kuala Lumpur 2001 September ini.

Komandan Kem Perhimpunan Atlit Gemilang 2001 Fasa Tiga, Menet Saad, berkata adakalanya atlit-atlit berkenaan begitu bersemangat dan ada ketika pula semangat mereka menurun.

"Tujuan kita untuk meningkatkan motivasi ialah supaya semangat mereka terus pada tahap yang diperlukan untuk menghadapi sukan ini," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan perhimpunan itu di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini.

Menet berkata atlit diberi penerangan mengenai tanggungjawab kepada negara bagi memastikan mereka tidak akan terganggu dengan masalah peribadi serta mengikis semangat pentingkan diri sendiri.

Sambil menyifatkan perhimpunan kali ini amat berjaya, beliau berpendapat kesemua 380 atlit yang menghadiri perhimpunan itu memberikan kerjasama yang secukupnya dalam kumpulan dinamik masing-masing dan semasa program survival.

Menet, yang menjalankan kem motivasi dengan kerjasama Biro Tatanegara, berkata muka-muka baru yang mewakili negara diberi penekanan mengenai semangat kenegaraan manakala modul yang berlainan diberikan kepada mereka yang sudah beberapa kali mewakili negara supaya mereka tidak berasa bosan.

Sessi berkenaan dijalankan dalam 26 kumpulan dan setiap kumpulan dianggotai sehingga 15 orang.

Memandangkan rekod pungutan pingat emas negara yang semakin baik bermula tahun 1993, atlit perlu diberikan motivasi secukupnya untuk menjuarai Sukan Sea kali ini, katanya.

Mereka akan menjalani sessi motivasi terakhir pada 15 Ogos ini dalam kem pusat pada sebelah malam sebelum berlepas ke gelanggang masing-masing di Johor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Menet berkata atlit Sukan SEA juga dijangka bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi tarikhnya belum ditetapkan.

"Kita percaya ada kata semangat yang dapat diberikan oleh Perdana Menteri kepada atlit-atlit ini," katanya.

Sukan SEA 2001 akan berlangsung dari 8 hingga 17 Sept membabitkan 32 jenis sukan.

Malaysia menduduki tempat kelima di Singapura pada 1993, keempat di Chiang Mai (1995), ketiga di Jakarta (1997) dan kedua di Brunei (1999).

-- BERNAMA
SHS AHH MAI